



Amalan Menerima Komisen Dalam Pengurusan Kewangan Sekolah Berautonomi Menurut Perspektif Islam

Wan Azlan bin Wan Adnan¹ @ Wan Refol & Nor Aini binti Ali²

¹IPG Kampus Tengku Ampuan Afzan ²Universiti Malaya

Article Info

Received:
27 May 2020

Accepted:
01 July

Publish
01 September 2020

E-mail address:

*corresponding Author :
ibnadm1977@yahoo.com

e-ISSN 2682-759X

Abstract

Komisen adalah satu bentuk bayaran atas perkhidmatan yang biasa diamalkan dalam transaksi sehari-hari melibatkan sektor perniagaan, perbankan, agensi kewangan dan urusan muamalat sehari-hari. Ia turut menjadi perbahasan para ulama dahulu dan kontemporari dalam beberapa bentuk akad dan kontrak yang berkaitan dengannya. Komisen turut dikenali dengan pelbagai istilah seperti upah, reward, fee, bonus atau hadiah. Objektif kajian ini adalah bagi menganalisa amalan menerima komisen di sekolah menurut perspektif Islam. Metodologi kajian menggunakan kaedah temu bual terhadap 12 orang informan di tiga buah sekolah berautonomi iaitu Sekolah Kluster Kecemerlangan (SKK) dan Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) di negeri Pahang. Secara keseluruhan, berdasarkan kepada akad yang mendasari konsep komisen, secara teorinya dalam Islam terdapat empat bentuk akad yang boleh dikaitkan dengan komisen iaitu al-ijārah, al-wakālah bi al-ujrah, al-ji'ālah dan hibah mu'allaqah. Dapatan utama kajian mendapati dua bentuk amalan penerimaan komisen yang diamalkan di sekolah iaitu komisen dalam bentuk wang dan bentuk selain wang yang terbahagi pula kepada komisen dalam bentuk barang dan komisen dalam bentuk diskaun. Meskipun amalan menerima komisen yang diamalkan di sekolah ini secara umumnya mematuhi konsep akad komisen dalam Islam, namun apabila ia dilihat secara lebih mikro dan teliti maka terdapat banyak ruang dan aspek kelemaahan yang boleh diberi penambahbaikan terutama apabila ia melibatkan prosedur kewangan dan tahap kepatuhan kepada kod etika penjawat awam dan undang-undang negara.

Keyword: Komisen, Pengurusan Kewangan Sekolah, Sekolah Berautonomi

Pengenalan

Dalam sistem ekonomi Islam, setiap transaksi atau akad yang diharuskan berpandukan kepada dalil daripada al-Quran dan al-Sunnah. Haram atau harusnya sesuatu bentuk transaksi itu bergantung kepada sejauh mana ia mematuhi prinsip-prinsip yang telah ditetapkan oleh syarak. Prinsip-prinsip ini terbina daripada dalil-dalil umum dan khusus daripada al-Quran dan al-Sunnah. Komisen adalah satu bentuk bayaran atas perkhidmatan yang biasa diamalkan dalam transaksi seharian melibatkan sektor perniagaan, perbankan, agensi kewangan dan urusan muamalat sehari-hari. Ia turut menjadi perbahasan para ulama terdahulu dan kontemporari dalam beberapa bentuk akad dan kontrak yang berkaitan dengannya. Perbincangan ini cuba melihat konsep komisen daripada sudut dalil syarak dan akad yang mendasari serta aplikasinya khusus dalam sistem muamalat semasa. Konsep komisen yang diamalkan secara meluas dalam sistem muamalat semasa adalah merupakan satu bentuk upah atau imbuhan atas perkhidmatan dan kerja yang menerima pakai beberapa prinsip syariah seperti *al-Wakālah bi al-Ijārah*, *al-Ji‘ālah* dan *Hibah Mu‘allaqah*. Penggunaan istilah komisen atas konsep-konsep syarak ini perlu melihat kepada rukun dan syarat akad sama ada ia akad yang lazim seperti *al-Ijārah* atau akad yang tidak lazim seperti *al-Ji‘ālah*. Jika komisen atas akad ujrah maka ia adalah ganjaran atas usaha dan tenaga yang dicurahkan manakala komisen atas akad *al-Ji‘ālah* adalah bayaran atas dasar pencapaian dan natijah akhir daripada kerja atau perkhidmatan. Manakala yang membezakan di antara *al-Ji‘ālah* dan *Hibah Mu‘allaqah* adalah daripada sudut pembahagian jenis akad sama ada ia daripada jenis akad *mu‘āwadah (bilateral)* yang memerlukan komitmen sekurang-kurangnya dua pihak atau jenis akad *tabarru‘āt* yang hanya memerlukan komitmen sebelah pihak sahaja. Komisen dalam akad *ji‘ālah* adalah merupakan upah atau imbalan (*iwaq*) atas kerja yang berjaya diselesaikan manakala komisen atas dasar *hibah ta‘liq* adalah satu bentuk komitmen daripada pemberi untuk bertabarru‘ kepada penerima apabila syarat yang ditetapkan dipenuhi. Ia juga boleh berlaku sama ada dalam bentuk caj atau fi yang dituntut atas perkhidmatan yang disediakan atau satu bentuk upah atas kerja yang dilaksanakan. Komisen dalam pelbagai bentuk ini juga dikenalpasti boleh berlaku di sekolah yang melibatkan urusniaga antara pihak sekolah dan pembekal. Kesemuanya perlu mematuhi rukun dan syarat akad yang ditetapkan bagi memastikan komisen yang diterima merupakan satu bentuk imbalan atas kerja atau pemberian yang patuh syariah dan menepati konsep mencari pendapatan dan harta yang halal dan diberkati Allah SWT.

Sorotan Kajian

Konsep Komisen dalam Islam

Konsep komisen dalam Islam dikaji berdasarkan kepada teori-teori akad yang berkaitan dengannya. Hasil literatur merumuskan terdapat empat bentuk akad yang boleh diterima pakai sebagai asas kepada aplikasi komisen dalam Islam iaitu akad *al-Ijārah/ujrah* (upah), *al-Wakālah bi al-Ujrah* (upah ejen) *al-Ji‘ālah* (janji upah) dan *Hibah Mu‘allaqah* (hibah bersyarat). Keempat-empat akad ini mempunyai persamaan dalam satu sudut dan berbeza dalam sudut yang lain. Oleh kerana komisen adalah satu bentuk bayaran upah/ganjaran atas kerja atau perkhidmatan, maka tumpuan kajian konsep adalah kepada keempat-empat teori akad ini.

Terdapat beberapa kajian lepas yang menumpukan perbahasan terhadap Akad *al-Ijārah* dan *Ujrah*. Antaranya kajian fiqh perbandingan oleh Abdul Wahab Ibrahim Abu Sulaiman (2000) yang membincangkan secara mendalam berkaitan dengan konsep *al-Ijārah*. Dalam kajian ini, beliau mengutarakan perbahasan isu *al-ijārah* yang berkait dengan mengupah seseorang untuk kerja atau perkhidmatan. Seterusnya kajian secara khusus berkaitan dengan pentadbiran gaji dan upah menurut perspektif Islam oleh Ishak Abdul Rahman dan Jumaat Abdul Moen(2004)

Kajian seterusnya oleh Mohd Sabri Abdul Ghaffar dan Abdul Mumin Ab Ghani (2006) yang menumpukan fokus kajian terhadap manfaat *al-iżārah* menurut perspektif empat mazhab. Kajian oleh Ahmad Suhaimi Yahya (2010) yang menjelaskan secara mendalam konsep akad *al-Iżārah*.

Seterusnya kajian oleh Deni Purnama (2012) berkaitan penerapan akad *al-Wakālah bi al-Ujrah* dalam industri takaful dan sistem kewangan semasa. Analisis Fatwa Dewan Syariah Nasional oleh Destri Budi Nugraheni (2017) dan antara dapatannya ialah majoriti akad al-Wakālah yang digunakan dalam kegiatan institusi kewangan syariah adalah akad *al-Wakālah bi al-Ujrah*.

Kajian oleh Rifa'i Hassan Ali Abdul Rahman (2012) membincangkan secara mendalam berkaitan dengan konsep *al-Ji'ālah*. Seterusnya kajian oleh Jamal Nādir al-Farā' (2009) turut membincangkan konsep *al-Ji'ālah* dan pelaksanaannya dalam konteks sistem kewangan semasa. Kajian oleh Yasir bin Rashid Al-Dosrī (2010) membincangkan kriteria dan kaedah fiqh yang berkaitan dengan pertandingan (السباق) dan *al-Ji'ālah*. Kajian oleh Ghādir Ahmad Khalil (2013) memberikan cadangan pelaksanaan akad *al-Ji'ālah* secara praktikal dalam produk-produk perkhidmatan perbankan Islam kajian oleh 'Abdullah bin Ibrahim (2010) yang menyentuh aplikasi semasa akad *al-Ji'ālah* dalam pelbagai ruang lingkup kehidupan manusia.

Kajian-kajian kontemporari berkaitan akad hibah lebih banyak menyentuh isu-isu pengurusan dan agihan harta dalam Islam. Kajian oleh Alias Azhar, Mohammad Azam Hussain, Muhammad Hafiz Badarulzaman dan Fauziah Mohd Noor (2014) terhadap pengurusan harta dalam Islam menfokuskan kepada instrumen hibah dalam undang-undang pusaka Islam meliputi isu hukum dan realiti aplikasinya di Malaysia. Kajian berkaitan oleh Nasrul Hisyam Nor Muhamad, Ahmad Che Yaakob dan Norazila Mat Hussain (2017) meneliti konsep hibah bersyarat dan aplikasinya dalam perancangan harta. Sebuah kajian analisis kes amalan hibah bersyarat di Malaysia oleh Nurul Syahirah Othman, Noor Lizza Mohamed Said, Mohd Zamro Muda dan Nasrul Hisyam Nor Muhamad (2017) yang menganalisa kes-kes hibah bersyarat yang telah diputuskan oleh mahkamah. Kajian perbandingan oleh Noor Lizza Mohamed Said, Mohd Ridzuan Awang dan Amir Husin Mohd Nor yang meneliti pandangan para fuqaha terhadap akad hibah dengan syarat balasan dan membuat perbandingan dengan aplikasinya dalam undang-undang sivil Jordan. Kajian seterusnya melibatkan penggunaan hibah berta'līq dalam industri takaful oleh Mohd Kamil Ahmad (2017) yang menerangkan konsep *hibah ta'līq* secara mendalam dan dapatan kajian menyimpulkan bahawa peletakan sesuatu bentuk ta'līq di dalam sesebuah masalah secara khusus hendaklah dinilai kesahihannya di dalam skop masalah itu sendiri. Kajian oleh Mohamad Fairuz Tamjiz dan Buerah Tunggak (2015) membincangkan isu-isu utama dalam perusahaan multi-level marketing (MLM) terutama berkaitan dengan akad. Selain menerangkan konsep akad *al-Ji'ālah*, ia juga menjelaskan perbezaan antara akad *al-Ji'ālah* dan *al-Iżārah*. Seterusnya kajian beberapa orang pakar kewangan dan ekonomi Islam yang telah dijadikan garis panduan perniagaan jualan langsung secara pemasaran berbilang tingkat (Multi Level Marketing) menurut syariah dan telah diperakukan dalam Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi hal Ehwal Ugama Islam Malaysia ke-95 yang bersidang pada 16 hingga 18 Jun 2011. Satu lagi kajian oleh Muhammad Amin Suma (2013) yang turut menyentuh konsep *al-Ji'ālah* dan aplikasinya dalam sistem kewangan Islam. Meskipun fokus perbincangan ialah bayaran insentif atau bonus namun ia juga turut menyentuh konsep gaji dalam akad *al-Ujrah* dan komisen dalam akad *al-Ji'ālah* serta aplikasinya dalam sistem kewangan semasa. Kajian oleh Azman Bin Mohd Noor dan Mohamad Sabri Bin Zakaria (2010) bertujuan mengkaji konsep akad yang digunakan dalam takaful dan kesan-kesannya menurut perspektif fiqh. Kajian oleh Ahmad Hidayat Buang (2010) pula menganalisis bayaran komisen dalam reinsurance menurut fiqh. Komisen dan Kaitannya dengan Rasuah

Islam mengharamkan rasuah kerana ia satu jenayah perolehan harta secara batil. Pengharamannya jelas daripada dalil al-Quran dan hadis. Kajian konsep oleh Syamsul Anwar (2008) yang menghimpun dan membincangkan secara mendalam nas-nas al-Quran dan hadis berkaitan dengan korupsi atau rasuah. Kajian oleh 'Abdullah al-Tariqī turut mengutarakan dalil-dalil pengharaman rasuah daripada al-Quran, hadis, pandangan para sahabat dan tabi'i serta ijma' ulama. Seterusnya kajian oleh Muhammad Ahmad pula menyentuh bahaya rasuah kepada individu dan masyarakat. Kajian oleh Nur Syakirah dan Md Zawawi merumuskan tiga faktor berlakunya rasuah iaitu, faktor gaji, peluang, kerentah birokrasi dan penguatuasaan yang lemah. Kajian oleh Ahmad Khusairi Yahaya (2014) menjelaskan dalam konteks jenayah rasuah, golongan pekerja dalam sesebuah organisasi dapat dikategorikan kepada tiga kumpulan iaitu: koruptor, oportunistis dan berintegriti. Seterusnya kajian oleh Rajni Rani Varshney (2012) membuat kesimpulan bahawa rasuah adalah satu masalah yang sukar dikawal. Ia seperti penyakit diabetes yang hanya boleh dikawal namun tidak boleh dihapuskan semua sekali.

Kajian berkaitan isu rasuah atau korupsi dalam sektor pendidikan dalam negara agak kurang berbanding luar negara. Di luar negara banyak kajian yang memberikan fokus terhadap isu-isu rasuah dalam sektor pendidikan. Antaranya kajian oleh John C. Weidman (2007) mencadangkan supaya kajian susulan diadakan untuk mengenalpasti dimensi rasuah dalam pendidikan dan petunjuk atau indikator bagi setiap kes. Seterusnya kajian oleh David Chapman (2002) pula menyentuh tentang kesukaran yang sering dihadapi dalam memerangi rasuah iaitu kesukaran dalam mengenalpasti amalan dan tingkah laku yang mendasari perbuatan tersebut. Kajian oleh Jacques Hallak dan Muriel Poisson (2002) yang merupakan hasil dapatan daripada sesi bengkel pakar. Antara keputusan daripada bengkel pakar ini ialah mencadangkan agar diadakan satu kajian kes yang mengkaji secara spesifik aktiviti-aktiviti dalam sektor pendidikan yang boleh menjurus kepada berlakunya salah laku rasuah. Kajian Stephen P. Heyneman (2007) antara lain menyenaraikan empat ruang yang boleh berlakunya rasuah iaitu:

- i) Melalui fungsi sektor pendidikan itu sendiri
- ii) Melalui perbekalan barang-barang dan perkhidmatan
- iii) Melalui salah laku penjawat awam
- iv) Melalui baik-pulih kemudahan

Robert Klitgaard (2008) pula mencadangkan pihak universiti perlu mengambil inisiatif dan tanggungjawab menangani isu-isu utama dunia seperti rasuah dengan memperbanyakkan kajian kes terhadap isu-isu yang spesifik tentang rasuah. Seterusnya kajian oleh Zainal Madon, Haslee Sharil Lim Abdullah dan Zuraiyah Ramli (2010) Kajian ini menyentuh isu integriti dalam kalangan warga Kementerian Pelajaran Malaysia antaranya isu rasuah dan salah guna kuasa serta isu salah laku guru. Seterusnya kajian oleh Aziah Ismail dan Abdul Ghani Kanesan Abdullah (2014), khusus membincangkan berkaitan amalan autonomi di sekolah berautonomi seperti Sekolah Kluster Kecemerlangan (SKK) dan Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT). Kajian mengenai disentralisasi kewangan di sekolah-sekolah Malaysia yang menjurus kepada strategi pelaksanaan berkesan telah dilakukan oleh Nor Fariza Mohd Radzi, Muhammad Faizal A. Ghani, Saedah Siraj dan Mojgan Afshari (2012). Seterusnya satu kajian kes berkaitan pengurusan kewangan di Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Menengah Kebangsaan oleh Mohd Richard Neles Abdullah (2013). Kajian oleh Charil@Shahril Marzuki (2005) merumuskan antara isu dan masalah dalam pengurusan Kewangan Sekolah ialah peruntukan Kumpulan Wang Kerajaan (KWK) dan wang Sumbangan Wang Awam (SUWA) yang tidak mencukupi.

Metodologi


Kajian ini adalah kajian kes yang menggunakan pendekatan kualitatif. Pengkaji memilih bentuk kajian kes dengan pendekatan kualitatif dalam kajian ini untuk meneroka proses dan bentuk-bentuk amalan penerimaan komisen di Sekolah Kluster Kecemerlangan (SKK) dan Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT). Ini berdasarkan beberapa pertimbangan berikut:


Pertama, kesesuaian untuk menerokai bidang yang kurang diselidiki sebelum ini dan dapat memberi kefahaman terperinci tentang fenomena yang dikaji.

Kedua, kajian kuantitatif mempunyai batasan iaitu, tidak dapat menyediakan perspektif yang kaya dan terperinci.

Ketiga, kajian kualitatif membantu penyelidik memahami lebih mendalam tentang proses dan bentuk-bentuk amalan penerimaan komisen di sekolah. Oleh hal yang demikian, kaedah ini memberi peluang kepada penyelidik untuk meneroka proses dan bentuk-bentuk amalan dalam konteks tajuk kajian.

Ringkasan berkaitan metodologi kajian dijelaskan dalam rajah dan jadual berikut:





Dapatan dan Perbincangan

Analisa akan memberi fokus terhadap kepatuhan tiga bentuk amalan penerimaan komisen ini dengan rukun dan syarat akad yang diperuntukkan oleh syarak. Ia juga akan cuba menilai adakah amalan ini boleh dikaitkan dengan amalan rasuah yang diharamkan dalam Islam dan undang-undang. Bahagian ini merangkumi tiga perkara utama iaitu pertama akad yang mendasari bentuk amalan, rukun dan syarat akad yang perlu dipatuhi dan perbandingannya dengan peruntukan undang-undang khususnya Akta SPRM 2009.

1. Komisen dalam Bentuk Wang

Komisen dalam bentuk ini merupakan komisen yang diperolehi daripada hasil jualan dalam perniagaan konsainan. Perniagaan konsainan adalah satu bentuk kaedah jualan yang melibatkan konsainor selaku pembekal dan konsaini selaku peniaga. Dalam konteks kajian ini, konsaini dikenalpasti sebagai pihak pengurus kedai buku, pengurus koperasi dan guru perpustakaan media yang merupakan informan di sekolah A, B dan C. Ia berlaku di mana pembekal (konsainor) menghantar barang kepada peniaga (konsainor) untuk dijual dengan satu bentuk perjanjian bahawa barang yang tidak habis dijual akan dipulangkan semula. Dalam situasi ini, pihak pembekal atau konsainor tidak menjual stok barang kepada konsainor tetapi hanya meminta pihak konsaini mewujudkan stok tersebut bagi pihak mereka. Dalam erti kata lain, peniaga tidak mengeluarkan modal untuk membeli barang dan barang tersebut masih dikira hak milik konsainor sehingga ianya dijual. Konsaini memperoleh keuntungan daripada komisen yang ditolak daripada hasil jualan. Ini sepertimana dinyatakan oleh dua orang informan yang merupakan guru Perpustakaan Media daripada sekolah A:

“PSS, kerana kebetulan pada masa itu mulanya dia pergi menjual buku, buku cerita, kemudian dia kata dia juga ada majalah. Kemudian dia kata boleh atau tidak sekiranya meminta tolong PSS untuk menjualnya dan sekiranya kita mahu, dia akan memberi komisen. Maknanya 1 buku 30 sen. Kita ok sahaja kerana tidak mengeluarkan modal. Seperti PSS sendiri, kita memang ada instrumen kena mencari duit.”

(Informan 4, GPM, SEK A, S30, dalam temu bual dengan pengkaji)

Jika diteliti daripada sudut teori akad, kaedah jualan secara konsainan ini menepati sistem *al-wakālah bil al-ujrah*. Ini dapat dilihat kepada amalan konsainor yang mewakilkan konsaini menjual barangannya. Manakala *al-ujrah* menepati konsep bayaran komisen yang diberikan kepada konsaini. *Sīghah ijāb* dan *qabūl* dalam perniagaan konsainan boleh dikira sebagai satu bentuk persetujuan atau perjanjian yang mengikat konsainor dan konsaini. Ini selaras dengan Garis Panduan Perakaunan dan Kewangan Sekolah yang menggariskan bahawa sekiranya pihak sekolah menjalankan kaedah jualan berasaskan sistem konsainan ini, maka satu surat perjanjian rasmi hendaklah disediakan antara pihak sekolah dengan pihak pembekal. Antara isi penting yang perlu dinyatakan dalam surat perjanjian tersebut ialah perkiraan kadar komisen yang ditawarkan kepada pihak konsaini atau pihak sekolah. Garis panduan ini turut menetapkan bahawa semua komisen yang diterima hendaklah diambil kira sebagai pendapatan dan dicatat di bawah butiran “Pelbagai” dalam buku tunai Kumpulan Wang SUWA (KWS).

Dalam konteks amalan penerimaan komisen berasaskan kaedah jualan konsainan ini, dapatan kajian di sekolah mendapati kesemua informan yang terlibat menguruskan jualan secara konsainan ini tidak menyediakan sebarang bentuk surat perjanjian secara formal. Semakan dokumen mendapati pihak sekolah A tidak membuat sebarang bentuk perjanjian dengan pembekal dan perjanjian hanya dibuat secara lisan oleh pengurus kedai buku sendiri tanpa sebarang dokumen bertulis. Begitu juga amalan di pusat sumber sekolah A dan B. Semakan dokumen di sekolah A mendapati senarai item dan kadar komisen hanya dicatat di dalam resit konsainan (consignment) sebagai bukti. Amalan di koperasi sekolah C didapati turut menjadikan catatan dalam resit dan invois sebagai satu bentuk persetujuan dan perjanjian yang menentukan kadar komisen yang dipersetujui adalah antara 20 peratus sehingga 25 peratus. Secara umumnya, amalan sebegini diharuskan oleh syarak kerana objektif *sīghah* adalah menyatakan kerelaan dan persetujuan atas akad yang dimeterai. Ianya boleh berlaku sama ada melalui perkataan, tulisan, isyarat atau sesuatu yang diterima pakai oleh ‘urf setempat.

Oleh itu, perjanjian atau persetujuan dalam bentuk lisan, catatan resit dan invois yang diamalkan oleh informan terlibat dengan perniagaan secara konsainan ini dikira menepati rukun dan syarat sighah dalam akad *al-wakālah*. Namun jika diteliti daripada sudut prosedur ia didapati tidak mematuhi sepenuhnya garis panduan yang ditetapkan oleh Bahagian Kewangan, Kementerian Pendidikan dan dalam konteks seorang penjawat awam yang terikat dengan undang-undang, prosedur dan etika maka amalan sebegini perlu diberi lebih perhatian agar ia lebih mematuhi garis panduan yang ditetapkan. Ia juga bagi memastikan setiap urus niaga yang melibatkan pihak sekolah dan pihak pembekal lebih telus dan sistematik.

Seterusnya komisen yang diperolehi oleh konsaini dalam perniagaan secara konsainan ini lebih menepati konsep *ujrah* dalam *akad al-wakālah* iaitu satu bentuk imbalan atau upah yang diberikan oleh orang yang diwakili (*al-wakil*) kepada yang mewakili (*al-muwakkil fih*). Meskipun harus memberi upah atau imbalan kepada wakil, namun ia boleh menjadi wajib apabila terjadi satu bentuk kesepakatan atau perjanjian yang menetapkan upah kepada wakil pada kadar dan masa tertentu. Hukum yang terpakai terhadapnya juga adalah mengikut hukum *al-ijārah*. Namun jika diteliti kaedah bayaran komisen dalam perniagaan konsainan ini yang bergantung kepada jumlah stok jualan yang terjual turut menepati akad *al-’jiālah*. Meskipun kadar upah atau komisen telah ditetapkan mengikut peratus tertentu namun jumlah sebenar yang akan diterima oleh konsaini bergantung kepada berapa banyak stok jualan yang berjaya dijual. Amalan memberi komisen berorientasikan hasil (*result oriented*) ini banyak diamalkan dalam perniagaan secara jualan langsung berbilang tingkat (*multi level marketing*). Ini berbeza dengan bayaran upah mengikut akad *al-ijārah* yang lebih berorientasikan usaha (*effort oriented*). Kesimpulannya amalan menerima komisen berdasarkan sistem konsainan ini adalah merupakan kombinasi di antara akad *al-wakālah bi al-ijārah* dan akad *al-ji’ālah*.

2. Komisen dalam Bentuk Selain Wang

Berdasarkan kepada dapatan kajian, amalan menerima komisen dalam bentuk ini didapati berlaku hanya di sekolah A dan B. Ia melibatkan informan 6 iaitu pembantu tadbir kewangan dan informan 8 yang merupakan guru penolong kanan kokurikulum. Ia turut diakui oleh guru besar sekolah A. Ketiga-tiganya merupakan individu yang terlibat secara langsung dengan pengurusan kewangan sekolah terutama dalam urusan perolehan.

i. Komisen dalam Bentuk Barang

Komisen dalam bentuk barang dikesan berlaku dalam urusan perolehan barang sukan sekolah. Ia berdasarkan maklumat daripada informan 8 yang merupakan guru penolong kanan di sekolah B yang mengakui bahawa beliau pernah ditawarkan komisen oleh syarikat pembekal peralatan sukan sekolah. Komisen yang ditawarkan adalah berjumlah RM2.00 bagi satu item barang. Harga asal barang tersebut ialah RM45.00 untuk satu item dan pembekal boleh meminda harganya (mark up) sehingga RM47.00 untuk membolehkan informan menerima komisen dan membuat modal pusingan. Namun, guru tersebut menolak tawaran dalam bentuk wang tunai dan meminta pembekal menukarkannya dalam bentuk barang yang sama dengan nilai komisen yang ditawarkan. Pembekal tersebut bersetuju dengan cadangan informan dan menukarkannya dengan barang berbentuk piala dan medal yang boleh digunakan untuk kegunaan murid dan sekolah. Berikut catatan temubual dengan beliau apabila ditanya tentang komisen yang pernah ditawarkan oleh pembekal:

“Pernah dengan Sukan Rasy tetapi saya tolak. Saya kata lebih baik sekiranya beri barang yang boleh digunakan oleh murid. Komisen dia kata contohnya harga itu RM45, dia boleh mark up sehingga RM47, RM2 itu dia boleh beri

kepada saya. Maksudnya dia boleh beri duit tunai kepada saya untuk membuat rolling. Saya tolak dan saya kata tukarkan kepada barang untuk sekolah untuk keperluan murid dan dia bersetuju. Barang itu dalam bentuk piala.”

(Informan 8, GPK SEK B, S25, dalam temu bual dengan pengkaji)

ii. Komisen dalam Bentuk Diskaun Harga

Komisen dalam bentuk diskauan atau potongan harga ini dikenalpasti berlaku di sekolah A dan B. Guru besar sekolah A yang merupakan informan 1 mengakui bahawa komisen dalam bentuk diskauan harga ini berlaku di kedai buku sekolahnya. Ia turut disokong oleh informan 6 yang merupakan pembantu tadbir kewangan sekolah B. Beliau memaklumkan dalam kes-kes tertentu apabila beliau ditawarkan dengan komisen oleh pembekal, beliau meminta pembekal tersebut menolak jumlah komisen yang ingin diberi daripada jumlah keseluruhan bil barang yang perlu dibayar. Dalam erti kata lain komisen tersebut ditukar kepada potongan atau diskauan harga. Berikut kenyataan informan 6 yang direkodkan pengkaji:

“Pernah tetapi saya kata dengan dia komisen itu potong sahaja daripada jumlah bil itu. Saya katakan bahawa saya tidak mahu duit dia tetapi saya mahu dia kurangkan harga. Itu sahaja yang saya perlukan. Itu cara saya deal. Setakat ini tidak ramai hanya seorang dua sahaja yang begitu. Tetapi kebiasaan saya akan minta mereka kurangkan harga.”

(Informan 6, PTK SEK B, S23, dalam temu bual dengan pengkaji)

Jika kita meneliti konsep komisen daripada sudut teorinya kita dapati antara akad yang sering dikaitkan dengan istilah komisen ialah akad *al-wakālah bi al ujrah*, *al-ji`ālah* dan *al-hibah*. Pengkaji cuba mengutarakan kemungkinan-kemungkinan yang sesuai bagi mengenalpasti akad yang bersesuaian dengan amalan menerima komisen dalam kedua-dua bentuk ini. Antara perkara yang membentuk sahnya satu-satu akad itu ialah rukun akad itu sendiri. Tanpa rukun-rukun yang membina akad maka akad itu sendiri tidak diakui kewujudannya dan ia boleh dikategorikan sebagai akad yang batil atau fasid jika gugur keseluruhan atau salah satu daripada rukun-rukunnya. Perbincangan ini cuba melihat satu persatu akad yang dikaitkan dengan amalan komisen dan rukun-rukun yang membentuknya bagi mengenalpasti akad yang mendasari amalan menerima komisen dalam kedua-dua bentuk ini.

Akad Hibah Mu`allaqah (Hibah Ta`liq/Hibah Bersyarat)

Di antara ketiga-tiga akad yang dikaitkan dengan amalan menerima komisen, akad yang paling menepati dengan komisen dalam bentuk ini ialah akad *hibah*. *Hibah* terbahagi kepada dua jenis iaitu *hibah* mutlak dan *hibah* bersyarat atau dengan syarat. Dalam pembahagian hibah bersyarat atau dengan syarat, ia dibahagikan kepada tiga iaitu *hibah* dengan syarat balasan atau gantian, *hibah* bersyarat *‘umra* dan *hibah* bersyarat *rugba*. Dalam konteks hibah atau hadiah yang menyerupai komisen ulama membahaskan satu istilah yang disebut sebagai *hibah mu`allaqah* iaitu satu bentuk pemberian yang dita`liqkan kepada sesuatu. Dengan kata lain, hibah atau hadiah yang bersyarat dengan berlakunya sesuatu perkara. Secara umumnya rukun aqad *hibah* terdiri daripada:

- i. Pemberi *hibah* (*wāhib*) rukun ini menepati status pembekal sebagai individu yang memberi hibah.
- ii. Penerima *hibah* (*mauhūb lahu*), informan yang terlibat menerima komisen tersebut

- iii. *Sighah* menerusi *ījab* dan *qabūl*, ini dapat dilihat daripada tawaran komisen daripada pembekal seterusnya perbincangan antara pembekal dan informan yang menatijahkan keputusan untuk menerima komisen dalam bentuk yang dipersetujui.
- iv. Barang yang dihibahkan (*mauhūb*), iaitu komisen dalam bentuk barang dan diskau.

Terdapat perbahasan yang panjang dalam kalangan fuqaha terhadap hibah yang diletakkan syarat atau *ta`liq* ini, pengkaji cuba mengkhususkan perbincangan terhadap aspek *ta`liq* atau syarat atas hibah berasaskan kepada permasalahan yang berlegar sekitar status penerimaan hibah atas kapasiti individu yang menerima itu adalah seorang penjawat awam yang menguruskan perolehan menggunakan dana awam. Meskipun secara umumnya penerimaan komisen dalam bentuk barang dan diskau ini menepati konsep dan rukun *hibah*, namun terdapat beberapa aspek yang perlu dinilai daripada sudut prosedur kewangan dan undang-undang bagi memastikan amalan tersebut benar-benar mematuhi hukum syarak serta selaras dengan peruntukan undang-undang dan prosedur kewangan. Mohd Kamil (2017) menyatakan:

*"Selain daripada ciri-ciri dan garis panduan umum di atas, penulis berpendapat bahawa peletakan sesuatu bentuk *ta`liq* di dalam sesebuah masalah secara khusus hendaklah dinilai kesahihannya di dalam skop masalah itu sendiri. Ini kerana skop setiap masalah adalah berbeza yang menyebabkan wujudnya asas pertimbangan yang berbeza dalam menilai hukum bagi sesuatu masalah. Misalnya, masalah hibah dengan syarat imbalan dan masalah ‘umrā dan ruqbā walaupun kedua-duanya berada di bawah perbincangan bab hibah, namun asas pertimbangan dan skop perbincangan bagi kedua-dua masalah adalah berbeza. Oleh itu, tidak harus untuk seseorang membuat kesimpulan bahawa penggunaan hibah berta`liq dalam sesuatu masalah yang khusus adalah sahif berdasarkan ciri-ciri dan garis panduan umum di atas tanpa terlebih dahulu meneliti dalil-dalil khusus serta asas pertimbangan yang perlu diraikan bagi masalah yang dikaji. Ringkasnya, penggunaan hibah berta`liq yang sahif di dalam sesuatu masalah perlulah meraikan ciri-ciri dan garis panduan umum di atas, di samping tidak membawa kecacatan kepada pelbagai rukun, syarat, serta hukum yang telah dibincangkan bagi akad hibah yang sah."*

Kesimpulan

Kajian ini telah menganalisis secara kritis amalan menerima komisen dalam pengurusan kewangan sekolah meliputi teori-teori akad yang mendasari setiap bentuk amalan penerimaan komisen yang diperolehi daripada dapatan kajian. Kesimpulannya di sini terdapat tiga bentuk akad yang boleh dikaitkan dengan amalan penerimaan komisen iaitu akad *al-wakālah bi al-ijārah*, akad *al-ji`ālah* dan akad *hibah mu'allaqah/ hibah ta`liq*. Pandangan daripada perspektif Islam ini turut diintegrasikan dengan ulasan kepatuhan amalan tersebut dengan prosedur kewangan sekolah dan peruntukan undang-undang Pencegahan Rasuah. Meskipun amalan menerima komisen yang diamalkan di sekolah ini secara umumnya mematuhi konsep akad komisen dalam Islam, namun apabila ia dilihat secara lebih mikro dan teliti maka terdapat banyak ruang dan aspek kelemahan yang boleh diberi penambahbaikan terutama apabila ia melibatkan prosedur kewangan dan tahap kepatuhan kepada kod etika penjawat awam dan undang-undang negara.

Rujukan

- ‘Abdul Wahab Ibrahim Abu Sulayman (2000). ‘*Aqd Al-Ijārah Maṣdar min Maṣādir al-Tamwīl al-Islāmiyyah*, Riyadh: al-Ma’had al-Islāmī li al-Buhūs wa al-Tadrīb, 67.
- ‘Abdulah bin Ibrahim. (2010). *al-Taṭbiqāt al-Mu’āsarah li al-Ji’ālah wa ahkāmuha fi al-Fiqh al-Islamiyyah*. Tesis Sarjana, Universiti Yarmuk.
- Ahmad Hidayat Buang. (2010). Penerimaan Komisyen Reinsurans oleh Syarikat Takaful,” *Jurnal Muamalat* 1, 40.
- Ahmad Khusairi Yahaya. (2014). *Bahana Rasuah Menjadi Budaya*. Buletin SPRM, 1.
- Ahmad Suhaimi Yahya (2010). *Ijārah Dari Konteks Aplikasi, Perundangan dan Syariah*, (kertas kerja, Muzakarah Cendekiawan Syariah Nusantara ke- 4, Putrajaya, 10-11 November
- Alias Azhar et al. (2014). Pengurusan Harta Dalam Islam: Perspektif Hibah di Malaysia. *Journal of Human Development and Communication* 3, 122.
- Aziah Ismail dan Abdul Ghani Kanesan Abdullah. (2014). Amalan Autonomi dan Akauntabiliti di Sekolah Berautonomi Dan Impaknya Terhadap Kesediaan Guru. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan* No. 1, Isu 1, <http://e-jurnal.um.edu.my/publish/JuPiDi/>. 46.
- Azman Bin Mohd Noor dan Mohamad Sabri Bin Zakaria. (2010). Takaful: Analisis Terhadap Konsep dan Akad. *Jurnal Muamalat* 3, 12.
- Charil@Shahril Marzuki. (2005). Pengurusan Kewangan Di Sekolah Rendah Dan Menengah di Malaysia: Isu, Masalah Dan Cadangan Untuk Mengatasinya. *Jurnal Masalah Pendidikan* 28, no.1 145-148
- David Chapman. (2002). Corruption and the Education Sector. *Sectoral Perspectives on Corruption*, 4.
- Deni Purnama. (2012). Penerapan Akad Wakālah bi al-Ujrah dalam Industri Asuransi dan Lembaga Keuangan Syariah Lainnya. *Jurnal Ekonomi dan Hukum Islam* 2. No.1 104.
- Destri Budi Nugraheni. (2017). Analisis Fatwa Dewan Syariah Nasional Tentang Wakalah, Hawalah dan Kafalah dalam Kegiatan Jasa Perusahaan Pembiayaan Syariah. *Jurnal Media Hukum* 24, No.2, Disember, 128.
- Ghādir Ahmad Khalil (2013). *Taṭbiq ‘Aqd al-Ju’ālah fi al-Khadamāt al-Maṣrafiyyah al-Islāmiyyah*. Kertas Kerja Kajian di Muktamar al-‘Ālamiyy al-Thānī, Ajlun, Jordan,
- Ishak Abdul Rahman dan Jumaat Abdul Moen. (2004). Pentadbiran Gaji dan Upah Menurut Perspektif Islam. *Jurnal ‘Ulūm Islāmiyyah* 3, no.1, 49.
- Jacques Hallak and Muriel Poisson. (2002). *Ethics and Corruption in Education*, result from the Expert Workshop held at IIEP, Paris 28-29 November 2001. International Institute for Educational Planning, 32.
- Jamāl Nādir al-Farā’. (2009). *Reward Contract on Labours Its Concept and Its Applications*. Tesis Kedoktoran, Universiti Of Jordan,
- John C. Weidman. (2007). *Quantifying the Relationship Between Corruption in Education and Economic Development in the Eastern Europe and Eurasia Region: A Feasibility Study*. United States Agency for International Development.
- Mohamad Fairuz Tamjiz dan Buerah Tunggak. (2015). Konsep Akad al-Ju’ālah Dalam Perusahaan Multi Level Marketing (MLM) Patuh Syariah. *International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, No.1 37-47.
- Mohd Kamil Ahmad. (2017). *Hibah Berta’liq dan Penggunaannya dalam Takaful: Kajian dari Perspektif Fiqh*. Tesis Kedoktoran, Universiti Malaya, 169.
- Mohd Richard Neles Abdullah. (2013). Pengurusan Kewangan Di Sekolah Kebangsaan Dan Sekolah Menengah Kebangsaan: Satu Kajian Kes. *Jurnal Penyelidikan IPG Kampus Batu Lintang* 11, 11-17
- Mohd Sabri Abdul Ghaffar dan Abdul Mumin ab Ghani. (2006). Manfaat al-Ijārah Menurut Perspektif Fiqh Empat Mazhab. *Jurnal Fiqh*, no.3 20.

- Muhamad Amin Suma. (2013). *Ujrah dalam Bentuk Bayaran Insentif berdasarkan Prestasi Kerja (Performance Fee) dalam Kewangan Islam*. Kertas kerja dalam Muzakarah Cendekiawan Syariah Nusantara ke-7 di Singapura pada 29-30 Mei.
- Nasrul Hisyam Nor Muhamad, Ahmad Che Yaakob dan Norazila Mat Hussain. (2017). Konsep Hibah Bersyarat dan Aplikasinya dalam Perancangan Harta. *UMRAN-International Journal of Islamic and Civilizational Studies* 3, No.3-134.
- Noorliza Mohamed Said, Mohd Ridzuan Awang, Amir Husin Mohd Nor. (2012). Hibah dengan Syarat Balasan Mengikut Pandangan Fuqaha' dan Kedudukannya dalam Undang-Undang Sivil Jordan. *Shariah Journal*. Vol. 20, No. 3. 325.
- Nor Fariza Mohd Radzi, et al. (2012). Kepimpinan dan Proses Kawalan Terhadap Peruntukan Kewangan Sekolah: Perspektif Malaysia. *Jurnal Internasional Manajemen Pendidikan* 4, 86
- Nurul Syahirah et al. (2017). Analisis Kes Amalan Hibah Bersyarat di Malaysia. *ISLĀMIYYĀT* 39(2), 141.
- Panel Kajian Syariah JAKIM. (2013). *Garis Panduan Perniagaan Jualan Langsung Secara Pemasaran Berbilang Tingkat (Multi Level Marketing) Menurut Syariah*, (Putrajaya, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 5.
- Rajni Rani Varshney. (2012). Corruption: A Psycho-Sosial Perspective. *Journal of Humanity and Islam* 2, no. 2 39.
- Robert Klitgaard. (2008). Universities Have the Responsibility to Tackle the World's Toughest Problems. *The Chronicle of Higher Education*, 1.
- Stephen P. Heyneman. (2007). Buying Your Way into Heaven: The Corruption of Education Systems in Global Perspective. *International Education Policy* 2, Issue 1, 2.
- Syamsul Anwar. (2008). Korupsi dalam Perspektif Hukum Islam. *Jurnal Hukum* No.1 Vol. 15
- Yasir bin Rashid al-Dorsī. (2010). *Qawābit al-Fiqhiyyah fī al-Sabq wa al-Ji'ālah*. Tesis Sarjana, Universiti Imām Muhamad bin Saud al-Islāmiyyah.
- Zainal Madon et al. (2010). Isu Serta Strategi Meningkatkan Integriti Dalam Kalangan Pendidik. *Jurnal Masalah Pendidikan* 33, 149-160.